

Mahathir jelaskan mengapa jajaran ECRL ke selatan

Malaysiakini

15 April 2019

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan keputusan kerajaan untuk menjajarkan semula Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) adalah atas alasan memberi keutamaan kepada faktor kebudayaan, warisan dan alam sekitar.

Katanya, jajaran semula itu mengelakkan Rabung Kuarzit Klang Gates di Gombak Selangor, sebuah daripada rabung kuarza tulen terpanjang di dunia.

Di bawah jajaran asal, ECRL akan melalui Kelantan, Terengganu, dan Pahang sebelum menuju ke Selangor melalui Gombak dan ke Serendah serta Pelabuhan Klang.

Walau bagaimanapun, ia sekarang tidak lagi akan melalui Bentong dan Gombak; Sebaliknya, ia menuju selatan melalui Mentakab ke Kuala Klawang di Negeri Sembilan sebelum memasuki Selangor melalui Bangi / Kajang dan kemudian menuju ke Putrajaya Sentral dan akhirnya ke Pelabuhan Klang.

Dengan jajaran baru ini Laluan Ekspres KLIA (ERL) yang sedia ada, serta laluan MRT2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya pada masa depan, membolehkan lebih

banyak negeri mengambil bahagian dalam manfaat ekonomi hasil daripada perjanjian yang ditambah baik itu.

"Ini akan menambah baik sistem ketersambungan penumpang di kawasan lain di pantai barat semenanjung di samping menyediakan rangkaian terus ke KLIA," katanya.

Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), yang pembinaannya ditangguhkan hingga 2020, juga dijangka melalui kawasan Putrajaya / Bangi.

Mahathir berkata ini adalah peningkatan yang ketara berbanding laluan ECRL ke Gombak, yang hanya mempunyai satu persimpangan dengan talian LRT.

Perdana Menteri berkata dengan membina stesen Bangi / Kajang, penumpang KTM Komuter dan ETS juga boleh bertukar keretapi ke ECRL.

"Oleh itu, ia sekarang akan melalui lima negeri dan wilayah persekutuan Putrajaya berbanding empat negeri sebelum ini, lebih banyak negeri akan mendapat manfaat ekonomi dengan perjanjian yang diperbaiki itu," katanya.

Lebih-lebih lagi, kata Mahathir, pertimbangan terhadap alam sekitar juga diambil kira.

Sementara itu, Bernama melaporkan kerajaan Malaysia akan mendapatkan bantuan kerajaan China sekiranya Jho Low benar-benar berada di China.

Menurut laporan terkini media, Jho Low, yang didakwa menjadi dalang dalam skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB), dipercayai tinggal di China, dan baru-baru ini dikatakan melakukan perjalanan ke Hainan, Hong Kong dan Beijing.

Selain Malaysia, Jho Low juga sedang diburu Singapura dan Biro Siasatan Persekutuan (FBI) Amerika Syarikat.

"Bagaimanapun sudah tentulah kami akan mendapatkan bantuan kerajaan China sekiranya dia benar-benar berada di China," kata Dr Mahathir dalam sidang akhbar mengenai projek ECRL, di Putrajaya hari ini.

Beliau ditanya sama ada perjanjian ECRL ditandatangani sebagai pertukaran untuk China membantu mengesan Jho Low.

Mengenai ECRL, Dr Mahathir berkata jajaran baharu itu akan memberi keutamaan kepada faktor kebudayaan, warisan dan alam sekitar dengan mengelakkan Rabung Kuarzit Klang Gates di Gombak Selangor, sebuah daripada rabung kuarza tulen terpanjang di dunia.

Beliau berkata ini akan dilakukan dengan mengelak pembinaan Terowong Genting sepanjang 17.8km dari Bentong ke Gombak.

"Ini disebabkan struktur gunung di sepanjang laluan. Jika kita mahu melakukannya, kita perlu menggali begitu banyak terowong, selain itu, bahan yang ada di situ kebanyakannya silika yang kita boleh gunakan untuk tujuan lain. Kami tidak mahu mengganggu mendapan itu," katanya.

Mengenai keseluruhan jajaran ECRL, Dr Mahathir berkata jarak 640km ECRL yang dicadangkan itu akan merentasi 20 stesen, dari Kota Bahru melalui Kuala Terengganu, Kuantan, Mentakab dan diteruskan hingga ke Jelebu, Bangi/Kajang, Putrajaya Sentral serta Port Klang.

Oleh itu, beliau berkata jajaran itu kini akan merentasi lima negeri dan Putrajaya, daripada empat negeri sebelum ini, membolehkan lebih banyak negeri mengambil bahagian dalam manfaat ekonomi hasil daripada perjanjian yang ditambah baik itu.

"Jajaran selatan yang baharu itu akan turut menyediakan rangkaian darat langsung dari Pelabuhan Kuantan ke Pelabuhan Klang, bertindak sebagai jambatan darat antara kedua-dua pelabuhan itu.

Dr Mahathir berkata jajaran baharu itu akan memanfaatkan Rangkaian Rel Ekspres (ERL) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang sedia ada selain Laluan Transit Aliran Massa 2 Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP) di masa depan, dengan pertukaran di Putrajaya Sentral.

"Ini akan menambah baik sistem ketersambungan penumpang di kawasan lain di Pantai Barat Semenanjung di samping menyediakan rangkaian terus ke KLIA," katanya.

"Ia merupakan penambahbaikan yang signifikan kepada pertukaran menerusi LRT (Transit Aliran Ringan) dalam ITT (Terminal Pengangkutan Bersepadu) Gombak sepertimana aturan sebelum ini," katanya.

Dr Mahathir berkata penumpang yang kini menggunakan perkhidmatan KTM Komuter dan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) dari bahagian selatan Semenanjung akan melakukan pertukaran ECRL di stesen ECRL Bangi/Kajang seperti yang dicadangkan.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/472342>